

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



Photo by Sabrianna on Unsplash



MENGAPA PELABURAN EMAS MENJADI PILIHAN?


Nurul Syuhada binti Baharuddin, Roseziahazni Abd Ghani & Wan Anisabanum Salleh
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, MALAYSIA.

eISSN 2600-9811

7

Emas merupakan salah satu komoditi yang didagangkan dan menjadi simbol kemegahan serta kekayaan sejak berabad lamanya. Akan tetapi, sesuaiakah ia dipilih sebagai satu pelaburan pada masa kini?

Sejak pertengahan Mac 2022 lalu, harga emas telah mencecah paras tertinggi berikutan krisis Russia-Ukraine. Krisis tersebut telah membuka mata ramai pelabur untuk memilih aset selamat. Mengapa emas dikategorikan sebagai aset selamat? Emas bersifat kalis inflasi atau pelindung nilai terhadap inflasi. Nilai emas amat berharga dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Selain milikan ekuiti, hartanah, unit amanah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan lain-lain pelaburan, emas merupakan salah satu pelaburan yang mampu memberi pulangan berlipat kali ganda untuk jangka masa panjang. Berikut adalah carta perubahan harga emas untuk tempoh 5 tahun bermula 2018 sehingga Mei 2022 yang menunjukkan graf menaik untuk jangka masa tersebut.



Sumber: <https://goldprice.org/gold-price-malaysia.html>

Kebenaran pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada April 2022 sebanyak maksimum RM10,000.00 juga telah mencetuskan suasana meriah di kebanyakan kedai emas. Ramai yang mengambil kesempatan untuk melabur atau membelanjakan wang tersebut bagi memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing. Adakah keputusan mereka melabur dalam bentuk simpanan emas ini merupakan satu keputusan yang tepat? Pasti wujud perbezaan pendapat terhadap pelaburan emas masa kini setelah lebih 2 tahun rakyat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia amnya dibelenggu dengan cabaran pandemik covid-19.

Menyentuh isu keperluan hidup pastinya emas bukanlah pilihan terbaik. Emas sesuai menjadi pilihan terbaik bagi pelabur apabila mereka telah memiliki segala keperluan asas. Ini kerana susut nilai emas terutama dalam jangka masa pendek pastinya merugikan pelabur. Pelabur baru perlu memahami sifat sebenar pelaburan emas supaya percaturan

pelaburan yang dibuat mendatangkan keuntungan pada masa akan datang.

Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian jika ingin memiliki emas sebagai aset atau pelaburan. Pertama, adalah isu keselamatan. Emas sangat dikenali sebagai barang perhiasan yang bernilai dan menjadi perhatian masyarakat umum. Maka pegangan fizikal di rumah dalam kuantiti yang banyak agak membimbangkan dan mendedahkan pelabur kepada risiko keselamatan. Kedua adalah sifat kecairan emas. Emas dianggap mempunyai kecairan yang baik kerana ia mudah ditukarkan kepada tunai terutama emas fizikal. Anda hanya perlu ke mana-mana kedai emas berhampiran untuk mendapatkan tunai malah ia diterima di kebanyakan negara seluruh dunia. Akan tetapi satu perihai yang perlu diingatkan, emas fizikal yang disimpan mahupun dana emas tidak menjana faedah atau dividen malah mempunyai susut nilai yang menyebabkan nilai emas tersebut menyusut atau berkurang.

Namun jika anda mencari langkah selamat atau kaedah terbaik menghadapi krisis ekonomi, pembelian dan penyimpanan emas fizikal seperti barang kemas, syiling emas atau dinar emas malahan bentuk bar dan jongkong dapat membantu anda. Walau bagaimanapun, setiap pelaburan mesti bermula dengan objektif yang disasarkan dan pemantauan berkala serta kepekaan terhadap perubahan harga amat penting sebelum keputusan jual beli dibuat.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Kewangan di Pusat Pengajian Ekonomi,

Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Adilah Azhari kepada Bernama, beliau berpandangan bahawa arah aliran peningkatan pembelian emas berpunca daripada sentimen emas sebagai aset pelaburan jangka panjang yang mudah digadaikan dengan nilainya yang stabil terutama ketika keperluan mendesak akibat ekonomi yang tidak menentu. Selain itu, beliau juga menyarankan masyarakat untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan kerana risiko setiap aset adalah berbeza dan akan mempengaruhi pulangan pelaburan.

Memetik kata-kata Robert T. Kiyosaki "savers are losers"! atau orang yang menyimpan duit dalam bentuk tunai atau wang kertas adalah mereka yang rugi. Ini kerana kuasa membeli mereka yang hilang daripada nilai duit tersebut. Kuasa membeli ialah jumlah sesuatu barangan mahupun perhidmatan yang boleh dibeli menggunakan satu unit mata wang. Bagaimana anda ingin mengekalkan kuasa membeli itu? Pilihlah apa jua pelaburan aset yang bertahan nilainya. Pilihan pelaburan adalah di tangan anda, "tepuk dada tanya selera".

Rujukan:

BH Online (April 18, 2022). Harga emas cecah paras tertinggi dalam sebulan. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/04/947127/harga-emas-cecah-paras-tertinggi-dalam-sebulan>
Bernama.com (April 24, 2022). Beli emas sebagai pelaburan dan perhiasan diri. <https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2075678>



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com